



SIARAN MEDIA

SMIDEX 2021 JANA POTENSI JUALAN RM5.8 JUTA

Kuala Lumpur, 22 Disember 2021 – Pameran Tahunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SMIDEX 2021) anjuran SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), bermula pada 1-23 Disember yang lalu telah berjaya menarik 14,225 pengunjung maya.

SMIDEX 2021 juga telah berjaya menjana potensi jualan sebanyak RM5.8 juta melalui 82 sesi padanan perniagaan yang telah dijalankan.

Dengan bertemakan “PMKS: Bangkit Kembali”, SMIDEX 2021 telah dirasmikan oleh YAB Dato’ Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 7 Disember 2021. Komitmen berterusan daripada Kerajaan ini adalah bagi memastikan PMKS untuk terus bangkit dalam perniagaan, mendepani cabaran pasca pandemik. Ianya adalah sejajar dengan aspirasi kerajaan dalam memperkasa pendigitalan dikalangan PMKS.

YBhg. Dato’ Suriani Dato’ Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam ucapan menyatakan, “Norma baharu yang dicetuskan oleh pandemik COVID-19 telah membuka peluang kepada Malaysia untuk menstruktur semula ekonomi ke arah pemulihan yang lebih kukuh”.

Tambah beliau “Ini adalah bagi membentuk ekonomi bernilai tinggi dan berdaya tahan agar PMKS dapat membebaskan diri daripada keterbatasan pasaran kecil dan memasuki pasaran global dengan pontesi pelanggan yang berlipat kali ganda berbanding pasaran domestik”.

Sepanjang 23 hari SMIDEX 2021 berlangsung pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan secara dalam talian e-pameran, khidmat nasihat secara dalam talian (MeetMe), sesi padanan perniagaan (MatchMe), sesi webinar biz-talk, Technology Need Pitching (TNP) dan banyak lagi.

Bagi meluaskan bantuan kepada PMKS yang terjejas akibat wabak Covid-19 dan banjir baru-baru ini, SME Corp. Malaysia turut melancarkan Pembiayaan Digital PMKS. Program ini merupakan program rintis di mana rakan strategik telah dilantik untuk menyediakan penyelesaian pembiayaan jangka pendek yang inovatif dan pantas untuk PMKS mengguna-pakai platform digital, seiring dengan perkembangan teknologi.

Program yang menawarkan pinjaman melalui platform digital pembiayaan rakan setara (Peer to Peer, P2P) boleh disempurnakan sepenuhnya secara dalam talian dan pertimbangan permohonan hanya akan mengambil masa sehingga 14 hari bekerja. Dengan jumlah pinjaman jangka pendek antara RM50,000 sehingga RM500,000 dan kadar tetap serendah 2% setahun PMKS yang berminat boleh membuat permohonan bagi tujuan modal kerja dan aktiviti peningkatan keupayaan perniagaan. Untuk maklumat lanjut berkaitan pembiayaan ini, sila layari www.smecorp.gov.my atau hubungi Infoline 1-300-30-6000.

Majlis pada hari ini dihadiri oleh YBrs. Encik Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Encik Matthew Noel Fernandez, Ketua Pegawai Operasi, MicroLeap dan ramai lagi.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Muhammad bin Ibrahim di talian 019-6646407 atau emel – muhamad@smecorp.gov.my atau Encik Mohamad Firdhouse bin Mohamad Tajuddin di talian 019-3156908 atau emel: firdhouse@smecorp.gov.my

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA

(SME CORP. MALAYSIA)

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Faks : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Laman web : www.smecorp.gov.my